


HEPATITIS B

**BAHAYA
TERSEMBUNYI
DI TEMPAT KERJA**



HEPATITIS B ADALAH PENYAKIT YANG SERIUS



Hepatitis B Virus

- Hepatitis B adalah 100 kali lebih mudah berjangkit berbanding virus HIV yang menyebabkan AIDS.
- Hepatitis B telah dikenalpasti sebagai penyebab kanser yang kedua selepas merokok.
- Hepatitis B menyebabkan radang hati dan boleh menyebabkan sirosis dan kanser hati seterusnya.

TRANSMISI

- Hanya 0.00004 ml darah yang tercemar dengan virus Hepatitis B diperlukan untuk menjangkiti seseorang.
- Virus Hepatitis B berada di dalam cecair badan yang lain seperti air kencing, air mani, cecair faraj, air mata, air susu ibu dan air liur.
- Hepatitis B bukan saja boleh dijangkiti dari kecederaan oleh benda-benda tajam atau melalui suntikan jarum tetapi juga melalui luka-luka yang terdedah dan lebih jarang lagi melalui gigitan orang yang dijangkiti.

Risiko jangkitan dari kecederaan benda-benda tajam adalah 1 dalam 3.

RISIKO DITEMPAT KERJA

Jikalau biskita bekerja di dalam situasi di mana biskita terdedah kepada cecair badan orang lain maka biskita semestinya terdedah kepada risiko. Bukan sahaja doktor malahan tukang-tukang bedah, jururawat, bidan-bidan dan pelatih-pelatih dan pekerja di perkhidmatan awam juga berisiko tinggi untuk dijangkiti virus Hepatitis B.

Walaupun kejadian penyakit masih lagi ditahap yang rendah, namun risiko Hepatitis B patut diberi perhatian sewajarnya oleh semua mereka yang mempunyai pekerjaan yang berisiko.

Biskita mungkin berisiko dari Hepatitis B melalui pekerjaan biskita. Pastikan biskita mendapat suntikan jika biskita berisiko untuk dijangkiti.



Seseorang itu juga menghadapi risiko dijangkiti Hepatitis B melalui cara hidup mereka atau melalui keadaan kesihatan mereka.

KUMPULAN PEKERJA-PEKERJA YANG BERISIKO

- Doktor
- Pekerja makmal
- Tukang Bedah
- Penuntut perubatan
- Doktor Gigi & pakar kebersihan gigi
- Jururawat-jururawat Bidan, Penuntut serta Pelatih-pelatih
- Pakar Patologi
- Pembersih Hospital, Amah dan Atendan
- Polis, Pekerja ambulan, ahli-ahli Bomba dan perkhidmatan penyelamat

- Warder dan kakitangan Perkhidmatan Penjara dan Pusat Pemulihan Penagih Dadah
- Penjaga.-penjaga di institusi-institusi bagi pesakit yang cacat

Jika biskita berasa kkuatir penyakit ini atau ingin mengetahui lebih lanjut mengenai penyakit ini, biskita bolehlah menghubungi Unit Kesihatan Cara Kerja, Kementerian Kesihatan.

KUMPULAN LAIN YANG BERISIKO

Hepatitis B boleh juga berjangkit melalui tingkah laku yang berisiko, keadaan kesihatan atau semasa dalam kandungan Kumpulan berikut juga mempunyai risiko jangkitan:-

- Anak damit dari ibu yang dijangkiti
- Keluarga dan juga mereka yang berhubungan dengan pesakit
- Keluarga yang mengambil anak angkat dari negara yang berisiko tinggi untuk mendapat Hepatitis B
- Pesakit-pesakit yang menghidap sakit buah pinggang yang kronik
- Haemofiliak
- Penghuni institusi-institusi untuk pesakit yang terencat akal
- Tahanan-tahanan
- Penagih dadah yang menggunakan suntikan
- Mereka yang sering bertukar pasangan seks

GEJALA-GEJALA PENYAKIT

Orang-orang yang dijangkiti Hepatitis B pada permulaannya mungkin tidak menunjukkan sebarang tanda apapun dan hanya boleh dikesan melalui ujian darah pada akhirnya boleh menyebabkan kematian dari kemusnahan sel-sel hati. Tanda-tanda awal jika ada termasuklah:-

- Penyakit yang menyerupai flu
- Keletihan
- Demam ringan
- Sakit-sakit otot dan sendi
- Mual dan muntah
- Ketidakselesaan pada perut
- Kurang selera makan
- Cirit-birit
- Ruam
- Sakit kuning atau jaundis

PEMBAWA KRONIK

- Dianggarkan 2-10% dari yang dijangkiti adalah orang dewasa yang menjadi pembawa kronik virus Hepatitis B.
- Kanak-kanak yang dijangkiti Hepatitis B lebih mudah menjadi pembawa kronik, 90% daripada anak damit yang dijangkiti semasa dalam kandungan akan menjadi pembawa kronik Hepatitis B.
- Walaupun pembawa virus Hepatitis B kelihatan sihat tetapi mereka masih boleh menjangkiti orang lain. Pembawa sedemikian hanya boleh dikenalpasti melalui ujian darah.
- Sebahagian kecil pembawa kronik Hepatitis B mungkin akan menghadapi penyakit Hepatitis kronik dan juga kanser.

SUNTIKAN VAKSIN HEPATITIS B

- Vaksin Hepatitis B adalah suntikan yang diberikan melalui otot di bahagian lengan.

- Biskita akan memerlukan 3 atau 4 dos suntikan vaksin dalam jangkamasa 6 ke 12 bulan sebelum dilindungi sepenuhnya.
- Lebih kurang 80%-90% orang yang menerima vaksin ini akan mengeluarkan antibodi terhadap vaksin ini. Bagi mereka yang tidak menunjukkan tindak balas yang mencukupi, mungkin memerlukan beberapa lagi dos suntikan vaksin.

Penyakit-penyakit lain juga boleh berjangkit seperti penyakit Hepatitis B, maka dari itu adalah mustahak untuk mengekalkan prosedur-prosedur pengawalan jangkitan yang baik. Perlaksanaan penjagaan sejagat dan pemakaian alat-alat serta pakaian perlindungan keselamatan seperti sarung tangan adalah disyorkan.

Bagi mereka yang masih lagi berisiko, suntikan booster vaksin Hepatitis B adalah diperlukan selepas beberapa tahun daripada program suntikan pertama. Sila minta nasihat dari doktor biskita atau hubungilah Unit Kesihatan Cara Kerja mengenai dengan suntikan booster Hepatitis B.



Terbitan Unit Kesihatan Cara Kerja
dengan kerjasama
Unit Promosi & Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan
Negara Brunei Darussalam

OHS/02/HepB/2001